

# Ramai pelajar berisiko sakit mental

BH 27.09.2012 7

» **Ibu bapa tak tahu kaedah betul atasi masalah anak**

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah

thaddius@bharan.com.my

► Kota Kinabalu

**D**ianggarkan 49 peratus pelajar sekolah menengah di Sabah berisiko tinggi mengidap masalah mental jika langkah membedung gejala awal seperti kemurungan dan tekanan tidak diambil.

Kaji selidik Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapati hampir separuh pelajar yang menjadi responden menunjukkan tanda awal masalah mental yang boleh menjadi serius jika tidak ditangani dengan betul.

## Kurang kesedaran

Mendedahkannya di sini, semalam, Dekan SPKS, Prof Madya Dr Murnizam Halik, berkata perkara itu terjadi berikutan ketiadaan kesedaran

ibu bapa mengenai kepentingan menjaga kesihatan mental anak-anak.

Beliau berkata, ibu bapa di negeri ini terutama di luar bandar juga tidak tahu kaedah betul menangani masalah ini, malah ada yang tersalah mengambil tindakan menyebabkan masalah dihadapi anak mereka gagal ditangani secara berkesan.

"Ada ibu bapa memarahi anak apabila melihat mereka murung tanpa menyiasat kenapa mereka berkeadaan demikian atau mendapatkan khidmat kaunseling untuk menyelesaikan masalah anak mereka.

"Jika berterusan, kita bimbang bilangan pelajar menghidap masalah mental serius akan terus bertambah," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Persidangan Psikologi Asia Tenggara (SEAP) anjuran UMS, di sini.

Majlis itu disempurnakan Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah.

## Sedia khidmat kaunseling percuma

Dr Murnizam berkata, bagi menangani masalah itu, pihaknya menyediakan khidmat kaunseling percuma yang dibuka kepada masyarakat



**“Berdasarkan kepakaran yang dimiliki sekolah ini, saya percaya UMS boleh membantu usaha menambah baik kesihatan mental atau psikologi rakyat negeri ini”**

**Dr Mohd Harun Abdullah,**  
Naib Canselor UMS

umum setiap Sabtu dan Ahad menerusi temu janji dengan menghubungi talian 088-320000.

## Tingkat kemudahan

Sementara itu, Dr Mohd Harun, menggesa SPKS memberi tumpuan kepada usaha menambah baik kesihatan mental masyarakat luar bandar di negeri ini sebagai sumbangan utama mereka kepada rakyat.

"Berdasarkan kepakaran yang dimiliki sekolah ini, saya percaya UMS boleh membantu usaha menambah baik kesihatan mental atau psikologi masyarakat negeri ini," katanya.

**“Ada ibu bapa memarahi anak apabila melihat mereka murung tanpa menyiasat kenapa mereka berkeadaan demikian atau mendapatkan khidmat kaunseling”**

**Dr Murnizam Halik,**  
Dekan Sekolah Psikologi  
dan Kerja Sosial UMS

tan mental atau psikologi masyarakat negeri ini," katanya.

Mengenai SEAP, beliau berkata, persidangan kedua itu menunjukkan peningkatan yang baik apabila menerima sambutan lebih besar dengan 356 pembentangan kertas kerja oleh wakil dari universiti dalam dan luar negara berbanding 260 kertas kerja pada 2009.

Persidangan itu disasar sebagai landasan untuk UMS menjalin kerjasama dalam bidang psikologi dengan universiti luar.